

23/03/1999

Persefahaman tulen dalam BN

HARI ini tidak ada pihak boleh mempertikaikan keutuhan, kemantapan dan kepaduan kerjasama di kalangan parti komponen Barisan Nasional (BN). Kemajuan dan kemakmuran rakyat dan negara yang dicapai setakat ini adalah hasil kerjasama semua parti dalam BN yang mana pemimpin mereka turut diwakili dalam Kabinet dan badan pembuat dasar yang lain. Setiap dasar dibincang, dihalusi dan dirumus bersama bagi memastikan ia memuaskan hati semua pihak. Disebabkan kerjasama sesama parti dalam BN begitu padu, sukar bagi pihak luar menggugatinya sama ada ketika menghadapi sesuatu isu besar atau pun ketika menghadapi pilihan raya. Ketika menghadapi kegawatan ekonomi, umpamanya, semua parti dalam BN memberi sokongan yang penuh kepada kerajaan.

BN adalah parti pemerintah yang dipilih oleh rakyat. Ketika pada zaman senang, rakyat yang diwakili parti berkenaan menikmati kesenangannya sementara ketika susah, sama-sama menanggung jerihnya. Tidak ada satu parti pun yang mengambil kesempatan menanggung di air keruh dalam keadaan sukar kerana mereka sedar gejala yang berlaku datangnya dari luar. Bagi sesetengah negara, kegawatan ekonomi diheret hingga menyebabkan berlaku kegawatan politik. Disebabkan parti tidak kuat, cubaan untuk menggulingkan pemimpin dijadikan jalan mudah untuk menyelesaikan masalah. Tetapi, selepas pemimpin berganti, keadaan terus tidak berubah, malah bertambah buruk. Keadaan ini tidak berlaku di negara ini.

Apa yang jelas, tidak ada sebarang krisis dalam BN, malah tidak ada tanda-tanda kemungkinan berlaku perbalahan besar yang boleh memecah-belahkan BN.

Memang ada pihak, terutama golongan yang ingin melihat Malaysia hancur sama ada dari dalam atau luar. Bagi mereka, jalan paling berkesan untuk berbuat demikian ialah dengan mengucar-kacirkan BN. Melihat kepada komposisi kaum di negara ini, anasir jahat boleh dengan mudah memecahkan perpaduan kaum. Tetapi disebabkan tunggak dalam BN adalah parti yang mengamalkan prinsip kesederhanaan dalam segala serbi, segala-galanya dilakukan dengan akal fikiran dan budi pekerti.

Seandainya, dalam BN ada parti yang bersikap melampau, sebagaimana yang wujud dalam sesetengah parti pembangkang, tidak ada jaminan negara ini aman. Peristiwa di beberapa negara lain membuktikan rusuhan tercetus dengan mudah, hanya disebabkan perselisihan faham yang kecil.

Ternyata, parti pembangkang gagal menembusi tembok BN yang begitu kukuh dan padu, walaupun cubaan demi cubaan dilakukan. Kekukuhan BN itu begitu mudah diukur kerana tidak ada suatu pun isu yang boleh menimbulkan keadaan yang tidak diinginkan. Ini menunjukkan persefahaman tulen sudah pun diperolehi. Keadaan ini berbeza dengan pakatan yang sering diusahakan oleh parti pembangkang.

Mereka bertelagah sebelum pakatan dapat dilakukan. Sekalipun ia dapat diusahakan, terutama untuk memenuhi syarat pilihan raya, usia pakatan seperti itu tidak berpanjangan. Keadaan ini mudah difahami kerana jarak fahaman yang diamalkan oleh parti berkenaan ibarat langit dan bumi. Pendekatan dan cara mereka menyelesaikan sesuatu masalah juga, tidak melambangkan kebijaksanaan.

Tidak hairanlah jika dunia begitu takjub melihat bagaimana BN berjaya menguruskan negara yang didiami masyarakat pelbagai kaum dengan begitu baik, tanpa mencetuskan sebarang masalah yang boleh menimbulkan huru-hara. Mesejnya, janganlah mana-mana pihak cuba untuk menyuntik niat jahat bagi

menghancurkan kepaduan BN kerana ia akan terpercik di muka sendiri.

Walaupun BN begitu kukuh, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari semasa ke semasa tetap mengingatkan pemimpin parti komponen berkenaan supaya mengekal dan meningkatkan kerjasama. Jika di negara ini tidak ada pembangkang yang sentiasa menunggu kesempatan untuk menggugat kepaduan BN, ingatan seperti itu mungkin tidak perlu dilakukan selalu. Tetapi, disebabkan `musuh' BN adalah parti pembangkang terutama ketika menghadapi pilihan raya, sewajarnya ingatan itu diberikan dari semasa ke semasa.

Kerajaan menerusi BN mempunyai agenda untuk membangunkan rakyat. Banyak perkara yang harus difikir dan dibincangkan untuk menjayakan cita-cita itu terutama untuk menjayakan Wawasan 2020. Tentunya pendekatan seperti ini tidak boleh dilakukan oleh pembangkang. Tidak hairanlah ramai mempunyai pandangan pembangkang hanya menghabiskan masa untuk mencari kelemahan kerajaan saja bagi digunakan sebagai isu kempen menjelang pilihan raya.

(END)